

Headline **Cukai tanah: MIC selar kerajaan Pas Kedah**
Date **21 Apr 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **94 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,225**
PRValue **3,675**



Cukai tanah: MIC selar kerajaan Pas Kedah

BALING 20 April - Tindakan kerajaan Pas Kedah mengenakan cukai tanah RM1.7 juta kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) menunjukkan kepimpinan parti itu tidak mengutamakan kebajikan rakyat dalam pemerintahannya.

Pengerusi Perhubungan MIC Kedah, S. Ananthan berkata, rakyat boleh menilai sikap kerajaan negeri yang melaungkan kononnya mahu menjaga kebajikan tetapi sebenarnya hanya mahu mengaut keuntungan.

“Isu cukai tanah ini antara contoh terbaru kerajaan negeri semakin tidak berwibawa kerana gagal mengambil kira soal pendidikan sebaliknya hanya mahu mengaut keuntungan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak semalam yang berkata, UUM sudah lima kali mengemukakan rayuan supaya cukai tanah universiti itu dikurangkan selepas tempoh rebat tamat pada 2008.

Mohamed Mustafa berkata, namun pihaknya kecewa kerana kesemua rayuan tersebut tidak pernah dilayan oleh kerajaan Pas Kedah dan ia menyebabkan cukai tanah UUM berjumlah RM1.74 juta setahun.

Ananthan menambah, tindakan kerajaan negeri itu membuktikan kepimpinannya yang diterajui Pas gagal mengotakan janji mereka dalam pilihan raya umum lalu.

Tambahnya, bukan sahaja di universiti malah soal kebajikan untuk rakyat dalam memastikan soal bekalan air di kampung-kampung juga tidak dipedulikan sehingga terdapat kampung yang masih mengalami terputus bekalan air.